

WILAYAH **KU**

BIL 40 11 - 17 OKTOBER 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

f akhbar wilayahku WK TV i akhbar wilayahku @akhbar wilayahku

mediawargakota

www.wilayahku.com.my



Beri tawaran harga baharu

Tun Dr. Mahathir setuju kerajaan kemuka harga jualan baharu kepada pemilik tanah di Kampung Baru

HASRAT pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru untuk mendapatkan tawaran harga yang lebih tinggi telah dibawa kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, Perdana Menteri bersetuju agar satu tawaran harga baharu dikemukakan kepada pemilik tanah di kampung tersebut.

"Saya sudah jumpa Tun Dr. Mahathir dan beliau telah memberikan beberapa garis panduan agar perkara itu dibincangkan semula dengan Perbadanan Pembangunan Kampung Baru

(PKB) supaya satu formula harga baharu dapat ditawarkan kepada pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru.

"Selepas itu, saya akan mengemukakan tawaran baharu tersebut nanti," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Pada sesi Town Hall bersama Khalid di Kuala Lumpur pada 21 September lalu, rata-rata pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru meminta kerajaan menaikkan tawaran harga jualan berbanding RM850 sekaki persegi yang diumumkan dalam majlis tersebut.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Khalid Samad akan maklumkan kepada pemilik, pewaris tanah di Kampung Baru

PM setuju beri tawaran harga baharu

Oleh **HELMI MOHD. FOAD**
helmiwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA – Hasrat pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru

untuk mendapatkan tawaran harga yang lebih tinggi telah dibawa kepada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, pihaknya telah membawa isu harga jualan tanah di Kampung Baru kepada Perdana Menteri baru-baru ini dan beliau menyatakan persetujuan agar satu tawaran harga baharu dikemukakan kepada pemilik tanah di kampung tersebut.


"Saya sudah jumpa Tun Dr. Mahathir dan beliau telah memberikan beberapa garis panduan agar perkara itu dibincangkan semula dengan

Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB) agar satu formula harga baharu dapat ditawarkan kepada pemilik dan pewaris tanah di Kampung Baru.

"Selepas itu saya akan mengemukakan tawaran baharu tersebut nanti," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini

Pada sesi Town Hall bersama Khalid di Kuala Lumpur pada 21 September lalu, rata-rata pemilik dan pewaris tanah Kampung Baru meminta kerajaan menaikkan tawaran harga jualan berbanding RM850 sekaki persegi yang diumumkan dalam majlis tersebut.

Bagi membalas reaksi tersebut Khalid menyatakan, sama ada tawaran lebih baik boleh diberikan berbanding tawaran RM850 sekaki persegi sebelum ini bergantung kepa-



PEMILIK dan pewaris tanah Kampung Baru yang hadir pada sesi Town Hall bersama Khalid di Dewan Perdana Felda pada 21 September lalu.

da perbincangan dengan Perdana Menteri.

"Jadi saya akan bercakap dengan Tun (Dr. Mahathir), sebaik saja saya sahkan dan akan kata ini merupakan tawaran terakhir, kalau mereka terima Alhamdulillah, kalau tak terima apa saya boleh buat? Itu hak mereka.

"Kalau terima kita teruskan, kalau tak terima mungkin saya kena jumpa seorang demi seorang, dalam kumpulan kecil bagi menerangkan

kepada mereka," katanya.

Khalid berkata, beliau akan turut melihat sama ada terdapat kemungkinan tawaran juga boleh diberikan dalam bentuk saham daripada projek pembangunan Kampung Baru.

"Katakanlah setiap orang diberikan saham dalam pembangunan itu, sekiranya projek itu berjaya dan mencapai keuntungan, maka semua orang akan dapat manfaat daripadanya kerana kita khuatir kalau kita tawarkan

satu harga yang terlalu tinggi, ianya akan menjejaskan daya maju projek itu.

"Kita kena tentukan tawaran yang dibuat munasabah dan boleh menjamin keuntungan, bukan sekadar keuntungan, tetapi juga kebolehlaksanaannya dan tidak rugi," katanya.

Mengenai cadangan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) supaya kaedah pajakan diguna pakai sebagai alternatif untuk menyelesaikan kemelut tanah Kampung Baru, Khalid berkata kaedah itu agak sukar untuk dilaksanakan.

"Apa akan berlaku ialah semua penduduk Kampung Baru takkan dapat nilai tanah mereka kerana kita sewakan, bukan jual.

"Yang kedua, pajakan berti selepas habis tempoh itu orang yang sudah majukan bina rumah, bangunan dan sebagainya kena serahkan balik.

"Adakah pemaju sanggup begitu? Belanja bina bangunan selepas itu serah balik kepada penduduk," katanya.

PKB tunggu maklum balas terperinci penduduk

PUTRAJAYA – Perbadanan Pembangunan Kampung Baru (PKB) mengesahkan setakat ini sebanyak 93.7 peratus iaitu kira-kira 773 pemilik atau pewaris tanah di Kampung Baru sudah bersetuju dengan tawaran harga yang diumumkan kerajaan semasa Sesi Town Hall Menteri

Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad di Kuala Lumpur pada 21 September lalu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Zulkurnain Hassan berkata, pemilik dan pewaris tanah tersebut telah mengemukakan borang maklum balas yang diedar pada sesi Town Hall tersebut.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, data-data berkaitan yang lebih terperinci hanya akan dikeluarkan selepas selesai proses analisis terhadap maklum balas itu dilakukan.

"Tempoh masa belum berakhir lagi. Lepas tamat tempoh ini, kita akan sediakan 'post

mortem' terperinci," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Secara keseluruhan, Kampung Baru mempunyai keluasan 121 hektar, termasuk kawasan segi tiga emas seluas 89 hektar yang diwartakan sebagai kawasan Penempatan Pertanian Melayu (MAS).

Bakinya, 32 hektar berada di luar MAS, merangkumi kawasan Raja Bot, kawasan perumahan PKNS Sungai Baru, flat PKNS Jalan Tun Razak, flat PKNS 17 Tingkat dan Wisma PERKESO.

Penempatan itu melibatkan 825 lot berada dalam kawasan MAS.

Op Tegas diteruskan buru peniaga warga asing

KUALA LUMPUR – Sepanjang Januari hingga Ogos lalu, sebanyak dua siri Operasi Tegas telah diadakan di Pasar Borong Selayang di sini dengan 60 tindakan sita barangan perniagaan peniaga warga asing di samping seramai 30 orang warga asing telah ditangkap untuk tindakan Jabatan Imigresen.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, operasi yang dibentuk melalui Task Force melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lum-

pur (DBKL) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) itu adalah bagi mengatasi masalah banjir peniaga warga asing di pasar borong berkenaan.

Katanya, Operasi Tegas merupakan tindakan bersepadu ke atas peniaga warga asing bersama-sama dengan agensi kerajaan lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Suruhanjaya Pence-

gahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Katanya, agensi yang turut terlibat ialah Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Luar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Keselamatan Negara, Majlis Perbandaran Subang Jaya dan jabatan-jabatan dalaman DBKL.

"Isu utama yang dilihat semasa pemantauan pihak penguatkuasa adalah seperti banjir peniaga warga asing tanpa dokumen sah yang bekerja dan menguasai perniagaan.

"Selain itu, pemegang kad UNHCR

yang menjalankan aktiviti perniagaan serta keadaan lalu lintas yang sesak dan tidak teratur disebabkan kewujudan peniaga haram warga asing," katanya ketika menjawab soalan lisan **MP Prabakaran (HARAPAN-Batu)** pada sidang Dewan Rakyat di sini baru-baru ini.

Khalid menyatakan, operasi bersepadu ini dilihat membantu dalam mengurangkan masalah banjir peniaga warga asing dengan tangkapan yang dilakukan ke atas majikan dan pekerja warga asing tanpa permit.



Infitah Natasha berani, mudah bergaul

ACAP kali kedengaran bahawa golongan graduan sukar untuk mendapat pekerjaan yang dikehendaki. Sememangnya terdapat pelbagai faktor seseorang itu tidak mendapat pekerjaan.

Namun antara salah satunya adalah disebabkan kurang kemahiran insaniah dalam diri seseorang.

Bagi Infitah Natasha Binti Mohd. Faisal, 21, penuntut tahun kedua Jurusan Syariah dan Ekonomi Universiti Malaysia (UM), graduan perlu bersaing kerana majikan lebih cenderung memilih pekerja berdasarkan kemahiran insaniah yang dimiliki.

"Bagi saya persiapkanlah diri sebelum melangkah ke alam pekerjaan atau lebih tepat lagi persiapkanlah diri semasa zaman belajar di universiti.

"Universiti merupakan tempat yang terbaik untuk membina softskill dalam diri," katanya kepada *Wilayahku*.

Gadis jelita kelahiran Johor Bahru ini turut mempunyai kemahiran dalam bidang pengacaraan apabila menjadi hos The Gemilang Awards 2018, Fiesta

Rumah Terbuka Kolej Kediaman Raja Dr. Nazrin Shah, Festival Konvokesyen UM dan program-program industrial talk di Jabatan Syariah dan Ekonomi.

Infitah Natasha juga bergiat aktif dalam persatuan anak negeri dengan memegang jawatan sebagai Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Mahasiswa Johor UM.

Hasil kecemerlangannya, dia menerima Anugerah Khidmat Gemilang (2019) dan Anugerah Seni Harapan (2018) di dalam The Gemilang Awards.

Akui Infitah Natasha, dia merupakan seorang yang pemberani dan mudah bergaul.

"Dari zaman sekolah lagi, saya telah melatih diri untuk menjadi seorang yang berani ke hadapan. Jika ada pertandingan yang memerlukan peserta untuk berdepan dengan penonton di atas pentas, saya akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut," kata bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Johor Bahru ini.

Kadang-kadang katanya, ada juga

perasaan gementar tetapi dia menepisnya dan sentiasa mencari peluang bagi mengembangkan kemahiran insaniah diri.

"Saya berpegang kepada peribahasa hendak seribu daya tak hendak seribu dalih," katanya yang juga calon Parlimen Belia Malaysia.

Infitah Natasha juga aktif dalam aktiviti kesukarelawanan anjuran Kaseh4u bagi mendekati anak-anak Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Cempaka, Pantai Dalam dengan mengajar tuisyen kepada mereka pada hujung minggu.

"Kesemua aktiviti ini mendidik erti bersyukur atas peluang yang saya miliki dalam hidup.

"Dengan melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan seseorang itu dapat membina sifat ihsan dan ikhlas. Ia juga mendidik kita tentang tanggungjawab sosial," katanya yang merupakan anak seorang peniaga.



YWP salur sumbangan RM150,000 kepada Yayasan Kebajikan Negara

Bantu masyarakat gelandangan

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR – Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyumbang sebanyak RM150,000 kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN) yang merupakan pentadbir Pusat Transit Gelandangan sebagai salah satu tanggungjawab sosialnya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Zaizainizam Zainun, pihaknya tampil membantu Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur bagi membolehkan operasi untuk menyantuni golongan gelandangan di ibu kota dapat diteruskan.

"Kita yakin pusat transit ini memerlukan sumber kewangan untuk meneruskan operasi harian mereka bagi memberikan perkhidmatan kepada golongan gelandangan untuk berteduh," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut Zaizainizam, YWP sudah menyalurkan sumbangan kepada pusat transit tersebut sejak tahun 2018 dengan menggunakan peruntukan hasil daripada pendapatan perniagaan yayasan berkenaan menerusi



KHALID (tiga dari kanan) bersama isterinya **Dr. Zaitun Abu Bakar** (dua dari kanan) menyendokkan makanan kepada golongan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Hadir sama **Zaizainizam** (empat dari kanan).

pengurusan papan iklan di sekitar ibu kota.

"YWP telah mendapat lesen pengoperasian daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mengu-

ruskan tiga unit paparan iklan dan melalui hasil itu, kami serahkan kepada YKN untuk menguruskan tempat ini. Melalui hasil itu, YWP memperuntukkan sebanyak RM50,000 bagi se-

tiap unit paparan iklan bagi tujuan ini," katanya.

Zaizainizam berkata, meskipun jumlah sumbangan tersebut tidak seberapa, ia diharap dapat menampung kos pengoperasian pusat transit berkenaan dan memberi manfaat kepada golongan gelandangan di Kuala Lumpur.

Tambah Zaizainizam, pihak YWP akan berusaha untuk menambah unit paparan iklan pada masa akan datang agar lebih ramai golongan dapat dibantu.

Terdahulu Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berkata, pihaknya bersedia menyalurkan bantuan kepada pusat transit ini pada masa akan datang.

"Pusat transit berfungsi membantu orang yang mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain tanpa rumah atau tanpa pekerjaan dan pendapatan tetap,

"Golongan ini mendapat pembelaan daripada kewujudan rumah transit ini agar mereka dapat memperbaiki kehidupan mereka melalui inisiatif yang disediakan untuk mereka termasuklah penyediaan peluang pekerjaan," katanya.